

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.BHG. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Y.Bhg. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan berikutan kejatuhan harga minyak yang mendadak bagi tempoh 2015 dan 2016, berapakah nilai kemerosotan pendapatan PETRONAS, pengurangan cukai PETRONAS kepada Kerajaan dan kesan pembayaran royalti kepada Terengganu dan Sarawak dan nyatakan jumlah pemberhentian pekerja oleh PETRONAS terkini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan harga minyak mentah antarabangsa turut memberi kesan langsung kepada PETRONAS di mana keuntungan selepas cukai Kumpulan PETRONAS bagi tahun kewangan 2015 tidak termasuk "*impairments*" telah menurun sebanyak 42% daripada RM69.2 billion pada tahun kewangan 2014 kepada RM39.8 billion. Pembayaran cukai kepada Kerajaan bagi tahun kewangan 2015 turut merosot kepada RM15.9 bil berbanding RM32.5 bil pada tahun 2014. Pembayaran royalti kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2015 juga merosot kepada RM10.2 bilion berbanding RM12.6 bilion bagi tahun 2014. Untuk tahun kewangan 2016 pula, adalah wajar untuk kita merumuskan bahawa pendapatan PETRONAS serta jumlah pembayaran cukai dan royalti akan bergantung kepada perubahan harga minyak mentah antarabangsa.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, PETRONAS sedang melaksanakan proses pengstruktur organisasi agar dapat beroperasi secara lebih efisien sejajar dengan kejatuhan harga minyak sedunia. Usaha ini meliputi penilaian semula fungsi-fungsi jawatan yang tidak kritikal mahupun bertindih di mana lebih jawatan telahpun dikenalpasti dan telah memberi impak minima ke atas pekerja. Pemberhentian lebih pekerja di jalankan secara berperingkat yang melibatkan pekerja yang terdiri daripada lebih pekerja kontrak sejak tahun lalu, dan diikuti

lebihan pekerja-pekerja tetap. Proses ini masih lagi berlangsung dan hanya dijangka selesai pada suku ketiga tahun ini.

Situasi kemerosotan harga minyak global semasa merupakan sebuah situasi yang sungguh mencabar dan telah memberi impak yang negatif kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.